

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 17.10.2019 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha yang akan dibuat bagi memastikan keperluan asas seperti jaringan jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik dapat disediakan kepada masyarakat kampung yang berada di kawasan pedalaman dan terpencil terutamanya di kawasan Parlimen yang luas seperti Parlimen Kinabatangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) , Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Jalan Luar Bandar (JALB) adalah bergantung kepada senarai keutamaan yang dipohon oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah. Bagi memastikan pelaksanaan projek lebih terarah dan efisien, Kementerian sentiasa mengadakan sesi libat urus dengan pihak UPEN bagi menyelaraskan dan membuat semak silang senarai projek-projek sebelum dimajukan ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk kelulusan peruntukan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, bagi memastikan pelaksanaan projek adalah seperti yang dirancang, Kementerian dan Kerajaan Negeri Sabah telah mewujudkan tiga jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Luar Bandar dan YAB Ketua Menteri Sabah, Jawatankuasa Bersama di peringkat Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Jawatankuasa Teknikal di peringkat Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) dan Setiausaha Tetap KPLB Sabah. Perbincangan antara Kementerian dan agensi-agensinya terlibat juga dijalankan secara berkala bagi memastikan projek keperluan asas seperti jaringan jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik dapat disediakan kepada masyarakat luar bandar di seluruh negara khususnya di Parlimen Kinabatangan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat jua, sepanjang RMKe-11(2016-2019) sebanyak RM3.12 bilion telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek-projek JALB, BELB dan BALB di Negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM707.93 juta telah diperuntukkan kepada Parlimen Kinabatangan yang merangkumi 13 buah projek JALB, BELB dan BALB.

Sekian, terima kasih.